

Ubi kayu berpotensi jadi tanaman komersial

Setiap kali melihat ubi kayu, perkara pertama terlintas dalam minda ialah kerepek ubi kayu dan ubi kayu rebus sebagai hidangan minum petang.

Namun, ramai dalam kalangan kita masih belum tahu tanaman ini bukan sahaja terhad kepada makanan semata-mata, bahkan berpotensi dijadikan lubuk emas. Nilai komersial tanaman ini kian bertambah selepas mendapat permintaan tinggi daripada syarikat kosmetik Jepun dan Korea.

Tanaman ini bukan sahaja mudah ditanam, malah ia tidak memerlukan penjagaan rapi dan hasilnya dapat dituai dalam masa singkat.

Iklim Malaysia yang panas serta kerap menerima hujan turut

mempengaruhi pertumbuhannya. Tidak hairanlah tanaman ini hidup subur dengan mudah dan meluas di negara kita.

Tingkat kepekatan produk

Kajian menunjukkan kanji daripada ubi kayu mengandungi amylose dan amylopectin yang berfungsi sebagai agen pemangkin kelikatan atau Viscosity Increasing Agent-Aqueous yang membantu meningkatkan kepekatan tekstur dalam sesuatu produk kosmetik.

Permintaan terhadap ubi kayu kian rancak apabila ramai pengguna kosmetik mula beralih kepada produk kecantikan yang berasaskan tumbuhan atau herba serta bebas daripada peng-

gunaan haiwan dalam proses pembuatan produk terbabit.

Malah, penggunaan haiwan sebagai bahan uji kaji keberkesanan produk turut mengundang kritikan daripada pelbagai pihak.

“

Kepakaran syarikat Jepun dan Korea menghasilkan produk kosmetik berasaskan ubi kayu harus dipelajari pengusaha tempatan”

Kebanyakan syarikat kosmetik mula mencari alternatif baharu bagi memenangi semula hati pengguna dengan menjadikan ubi kayu sebagai bahan dalam menghasilkan produk mereka setelah kajian mendapati ubi kayu sumber yang paling sesuai menggantikan haiwan.

Tingkat ekonomi petani

Secara tidak langsung, ini membuka peluang kepada petani meningkatkan ekonomi serta mengkomersialkan produk ubi kayu.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) perlu sedar akan peluang ini dengan menggalakkan penanaman ubi kayu dalam kalangan petani.

MOA juga perlu bekerjasama dengan agensi berkaitan dalam melakukan kajian serta mencipta teknologi baru bagi mempertingkatkan hasil tanaman.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga perlu memainkan peranan dengan memperbanyak kajian bagi mempelbagaikan produk berasaskan ubi kayu merangkumi inovasi teknologi baharu.

Kepakaran syarikat Jepun dan Korea dalam menghasilkan produk kosmetik berasaskan ubi kayu harus dipelajari oleh pengusaha tempatan bagi menghasilkan produk kosmetik berjenama sendiri yang berkualiti setanding produk antarabangsa.

Peluang ini bukan sahaja memberi pulangan lumayan, malah ia juga membuka lembaran baharu terhadap ubi kayu yang hanya dikenali sebagai tanaman kampung.

Muhammad Najib Abdul Manap,
Universiti Sains Islam Malaysia